



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 9 OGOS 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 9 Ogos 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **15,187 kes** (1,041,585 kes kumulatif, 81.4%);
- Kes baharu : **17,236 kes** (1,279,776 kes kumulatif);
- Kes import : **29 kes** (17 warganegara, 12 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **17,207** [14,437 warganegara (83.9%); 2,770 bukan warganegara (16.1%)];
- Kes aktif : **227,230 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **1,095 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **579 kes**;

- Kes kematian : **212 kes** [10,961 kes kumulatif, 0.86%; 186 warganegara, 26 bukan warganegara; 16 kes BID (14 warganegara; 2 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **3,974 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **36 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **2,742 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **1,232 kluster**.


Daripada **17,236 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini, sebanyak **372 kes (2.2 peratus)** adalah daripada kategori 3, 4 dan 5. Manakala sebanyak **16,864 kes (97.8 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2. Ini adalah berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu didiagnosa COVID-19. Ada di antara kes kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga yang berubah status kesihatan kes sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi.

Secara keseluruhan, hanya **4,556 kes (26.4 peratus)** daripada jumlah kes yang dilaporkan pada hari ini mempunyai sejarah imunisasi COVID-19. Status vaksinasi COVID-19 mengikut kategori adalah seperti Rajah 1.

STATUS VAKSINASI KES COVID-19 HARIAN MENGIKUT KATEGORI | 9 OGOS 2021



BERDASARKAN KEADAAN KLINIKAL SEMASA BAHARU DIDIAGNOSA COVID-19



Rajah 1 Status Imunisasi COVID-19 Harian Mengikut Kategori

Sebanyak **212 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **76 kes** di Selangor, **24 kes** di Johor, **20 kes** di Kedah, **18 kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **16 kes** di Pahang, **14 kes** di Negeri Sembilan, **12 kes** di Pulau Pinang, **11 kes** di Sabah, **lapan (8) kes** di Melaka, **lima (5) kes** di Terengganu, **empat (4) kes** di Kelantan, **dua (2) kes** di Perak, serta masing-masing **satu (1) kes** di Perlis dan Sarawak.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3 dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

KADAR KEBOLEHJANGKITAN COVID-19 ATAU R_0 / R_T **(STATUS SEHINGGA 8 OGOS 2021)**

Berdasarkan data terkini pada **8 Ogos 2021**, nilai RT Malaysia adalah sebanyak 1.07. Negeri yang mencatatkan nilai RT yang tertinggi adalah Kelantan (nilai RT 1.25) diikuti oleh Terengganu (nilai RT 1.19), dan Sabah (nilai RT 1.17). Semua negeri mencatatkan RT melebihi 1.0 kecuali Wilayah Persekutuan Labuan dan Perlis.

Nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 5 dalam kenyataan media ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu dan dapatkan imunisasi COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

9 Ogos 2021 @ 6:30 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 9 OGOS 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	5,740 (28)	470,755
WP KUALA LUMPUR	1,567	141,971
JOHOR	1,232 (1)	101,684
SABAH	1,247	95,082
SARAWAK	589	81,917
NEGERI SEMBILAN	1,215	79,992
KEDAH	1,328	57,926
PULAU PINANG	908	53,276
KELANTAN	914	50,347
PERAK	935	44,859
MELAKA	360	35,944
PAHANG	604	29,729
TERENGGANU	501	21,197
WP LABUAN	8	9,719
WP PUTRAJAYA	66	4,544
PERLIS	22	834
JUMLAH KESELURUHAN	17,236 (29)	1,279,776

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Ringkasan 212 kes kematian pada 9 Ogos 2021 adalah seperti berikut:

Negeri	Bil. Kes	Jantina		Kewarganegaraan		Tempat Kematian						Sejarah Penyakit
		L*	P*	WN**	BWN**	Hospital			BID***			
						Jumlah	WN**	BWN**	Jumlah	WN**	BWN**	
SELANGOR	76	44	32	64	12	74	63	11	2	1	1	57
JOHOR	24	13	11	21	3	23	20	3	1	1	-	22
KEDAH	20	9	11	19	1	20	19	1	-	-	-	16
WP KUALA LUMPUR	18	12	6	14	4	15	11	4	3	3	-	13
PAHANG	16	13	3	14	2	15	13	2	1	1	-	11
NEGERI SEMBILAN	14	8	6	12	2	14	12	2	-	-	-	11
PULAU PINANG	12	4	8	11	1	10	10	-	2	1	1	10
SABAH	11	6	5	10	1	11	10	1	-	-	-	10
MELAKA	8	5	3	8	-	6	6	-	2	2	-	8
TERENGGANU	5	4	1	5	-	4	4	-	1	1	-	5
KELANTAN	4	3	1	4	-	1	1	-	3	3	-	3
PERAK	2	2	-	2	-	1	1	-	1	1	-	2
PERLIS	1	1	-	1	-	1	1	-	-	-	-	1
SARAWAK	1	1	-	1	-	1	1	-	-	-	-	1
Jumlah	212	125	87	186	26	196	172	24	16	14	2	170

*L merujuk kepada lelaki dan P merujuk kepada perempuan

**WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

***BID merujuk kepada *Brought In Dead*

LAMPIRAN 3

Perincian 17,236 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 9 Ogos 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	5,740	265	3,308	28	2,139
WP KUALA LUMPUR	1,567	116	760	-	691
KEDAH	1,328	177	684	-	467
SABAH	1,247	87	770	-	390
JOHOR	1,232	257	710	1	264
NEGERI SEMBILAN	1,215	46	553	-	616
PERAK	935	76	476	-	383
KELANTAN	914	134	597	-	183
PULAU PINANG	908	188	298	-	422
PAHANG	604	85	407	-	112
SARAWAK	589	121	390	-	78
TERENGGANU	501	83	331	-	87
MELAKA	360	41	189	-	130
WP PUTRAJAYA	66	3	45	-	18
PERLIS	22	5	12	-	5
WP LABUAN	8	-	1	-	7
JUMLAH KESELURUHAN	17,236	1,684	9,531	29	5,992

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 4**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 9 OGOS 2021**

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
1	Jalan Mengkibol Empat	Tempat Kerja	Johor	Kluang	13	50
2	Industri SILC Dua	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	14	267
3	Jalan Firma Selatan	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	16	484
4	Jalan Seelong 19	Tempat Kerja	Johor	Kulai	16	48
5	Perusahaan Parit Raja	Tempat Kerja	Johor	Batu Pahat	29	701
6	Industri Jalan Chaah	Tempat Kerja	Johor	Segamat	35	170
7	Ladang Sungai Kahang	Tempat Kerja	Johor	Kluang	70	430
8	Industri Bayu Tampoi	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	9	73
9	Industri Delima Satu	Tempat Kerja	Selangor	Klang dan Petaling	86	217
10	Tapak Bina Persiaran Mahkota	Tempat Kerja	Selangor	Kuala Langat	119	489
11	Industri Tambak Jawa	Tempat Kerja	Selangor	Kuala Selangor	15	65
12	Industri Jalan Salleh 29	Tempat Kerja	Selangor	Klang	51	89
13	Dah Tapak Bina Astana	Tempat Kerja	Kedah	Kuala Muda	21	132
14	Dah Tapak Bina Abas	Tempat Kerja	Kedah	Baling	68	78
15	Kampung Mujur Jelawat	Tempat Kerja	Kelantan	Bachok	15	49
16	R16 Jalan Bukit Keteri	Tempat Kerja	Perlis	Kangar	11	15
17	Jalan Gajah Mati	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	39	89
18	Jalan Pisang Raja	Tempat Kerja	Sarawak	Bintulu	10	63
19	Lot Q Fasa Dua	Tempat Kerja	Terengganu	Dungun dan Kuala Terengganu	82	753

20	Kampung Tok Burung Perupok	Komuniti	Kelantan	Bachok	16	23
21	Kampung Bukit Gading	Komuniti	Kelantan	Tanah Merah	20	26
22	Perumahan Kelapa Wangi	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	5	7
23	Jalan Masjid Batu Dua	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu dan Bachok	18	31
24	Belakang Perumahan Tanjung Chat	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	16	25
25	Kampung Langgar	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	14	21
26	Jalan Kampung Paloh	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	13	19
27	Kampung Chenerai	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	16	24
28	Kampung Sri Muda	Komuniti	Pahang	Jerantut	23	65
29	Sungai Tekam Utara	Komuniti	Pahang	Jerantut	21	45
30	Rantau Sena	Komuniti	Pahang	Maran	36	79
31	Bukit Tampoi	Komuniti	Selangor	Sepang	35	197
32	Temenggong Kulai	Komuniti	Johor	Kulai	21	23
33	Pagar Gua Musang	Pusat Tahanan	Kelantan	Gua Musang	7	34
34	Tembok Bukit Mertajam 2	Pusat Tahanan	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	114	333
35	Jalan Pinang Kluang	Keagamaan	Johor	Kluang	19	49
36	Dah Batu 18	Kumpulan Berisiko Tinggi	Kedah	Yan dan Kuala Muda	21	53

LAMPIRAN 5**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN PADA 8 OGOS 2021**

NEGERI	NILAI R_T
KELANTAN	1.25
TERENGGANU	1.19
SABAH	1.17
PERAK	1.15
PULAU PINANG	1.14
KEDAH	1.13
JOHOR	1.12
PAHANG	1.11
SARAWAK	1.11
NEGERI SEMBILAN	1.06
WP PUTRAJAYA	1.06
WP KUALA LUMPUR	1.05
MELAKA	1.04
SELANGOR	1.02
PERLIS	0
WP LABUAN	0
JUMLAH KESELURUHAN	1.07